



Makmal Analisis Halal di UPM Pada 2010



YB Senator Dato Mejar Jeneral (B) Jamil Khir merasmikan IMT-GT 2009.

PUTRAJAYA, 21 Disember – Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan membantu Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia (UPM) menubuhkan Makmal Analisis Halal pada suku tahun 2010.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Mejar Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom berkata ia selaras dengan hasrat negara untuk menjadi peneraju utama dalam menjalankan analisis dan pengesahan produk-produk halal.



Prof Dato Abu Bakar Salleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM (kiri) menyampaikan cenderahati kepada YB Senator Dato Mejar Jeneral (B) Jamil Khir (kanan).

"Makmal ini bukan sahaja menjalankan analisis dan pengesahan produk makanan halal tetapi termasuk alatan kosmetik, pakaian serta barang berkaitan," katanya pada majlis pelancaran perasmian Simposium Sains dan Pengurusan Halal IMT-GT 2009 kali ke-3.

Terdahulu, Timbalan Naib Canselor UPM (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh berkata simposium itu turut mengetengahkan pakar dari bidang akademik serta industri yang terlibat dalam perkhidmatan halal.

"Kini, simposium ini membolehkan pihak akademik serta industri saling berkongsi ilmu serta pendapat dalam memperkasakan industri halal di negara ini," katanya.



Senator Dato' Mejar General (B) Jamil Khir Baharom menyampaikan ucapan perasmian IMT GT 2009.

Sementara itu, Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal, Prof. Dr. Yaakob Che Man berkata simposium itu adalah rangka kerja strategik serta kerjasama ekonomi antarabangsa dengan kerjasama pemimpin negara daripada Indonesia, Malaysia dan Thailand (IMT).

“Simposium ini bertujuan merealisasikan ekonomi dan integrasi di dalam negara ASEAN untuk mempertingkatkan pelaburan dan perniagaan dengan mempertingkatkan eksport produk halal ke seluruh dunia,” katanya.

Beliau berkata sebanyak 123 peserta dari Malaysia, Indonesia dan Thailand yang terdiri daripada penyelidik, penggubal polisi, pihak berkuasa, pihak industri dan pelajar yang terlibat dalam industri halal.

Sebanyak 15 kertas kerja dibentangkan dan 37 poster dipamerkan seperti *Shariah and Current Issues, Policy and Management, Analysis and Authentication dan Product and Process Innovation*.



Dato' Mejar Jeneral (tengah) bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM (kiri) dan Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (kanan) melawat pameran.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. Maklumat lanjut sila hubungi Zufliha Zakaria 0122434429 atau Noor Eszereen Juferi 89466013